

25/02/1998

Menunggu tepung tawar Bill Gates

Ahmad Ghazali Musa

BERDASARKAN pengalaman dan ilmu pengetahuan Bill Gates, banyak yang boleh dipelajari dan ditimba daripada tokoh yang kini menduduki takhta sebagai ahli perniagaan terkaya di dunia dengan nilai harta terkumpul mencapai AS\$39.8 bilion (RM144 bilion).

Gates dijangka mengupas perkembangan semasa serta hala tuju industri IT memasuki kurun ke-21. Microsoft, syarikat yang mendominasi dan menguasai persada industri IT bertanggungjawab menentukan pergerakan industri terbabit.

Pergerakan industri yang dimaksudkan itu ialah bagaimana mempermudah komputer peribadi (PC) melayari Internet, segmen yang menjadi agenda penting dunia maklumat. Selain itu, aspek penyatuan multimedia membabitkan telekomunikasi, penyiaran dan maklumat dijangka muncul sebagai segmen penting industri dengan Microsoft sudah mengambil inisiatif awal.

Pergerakan trend itu dipercepatkan menerusi persaingan di antara Microsoft dan beberapa syarikat peneraju IT yang berusaha menyaingi kehebatan syarikat itu, terutama Oracle Corporation yang diterajui Larry Ellison dengan produk Network Computing (NC) atau Perkomputeran Berangkai. Sun Microsystems diterajui Scott McNealy dengan Java dan Hot Java, produk yang berusaha mendominasi dunia Internet dengan memanfaatkan keistimewaan multimedia.

Netscape Corporation diterajui Dr James Barksdale dengan produk Netscape Navigator sebagai pelayar Internet terkemuka yang berusaha menyaingi Internet Explorer (IE) Microsoft.

Bagi Malaysia, setiap perancangan yang dibuat Gates dan 'musuhnya' memberi kesan besar kepada hala tuju pembangunan MSC yang turut mengikuti trend pergerakan itu iaitu daripada PC, Internet sehingga kepada segmen penyatuan multimedia.

Jika Malaysia dapat menyatukan Microsoft dan pesaing syarikat itu yang jadi pemain utama serta menjadi penentu hala tuju industri IT, untuk MSC menjadi pangkalan pemasaran, tempat penyelidikan dan pembangunan pelbagai produk perisian terkemuka di peringkat serantau berasas tujuh aplikasi perdananya amat cerah. Justeru, ketika lawatan mempromosi MSC ke Amerika Syarikat 16 Januari tahun lalu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan berasingan dengan Gates dan melawat pangkalan R&D Microsoft di Redmond, Washington.

Gates sendiri dilantik menganggotai Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC. Mungkin itu keistimewaan Malaysia. Mencetus idea menyatu rakan dan lawan dalam industri IT, serta menyediakan pakej yang amat menarik untuk mereka bekerjasama membangunkan MSC.

Satu perkara penting sempena lawatan Gates ialah tindak-tanduknya sering diperhatikan pesaing yang tidak mahu Microsoft menguasai persada industri.

Oleh itu, apa juga keputusan Gates dalam meluaskan kegiatannya di negara ini akan mempengaruhi syarikat pesaing terutama Netscape, Oracle, Sun Microsystems dan International Business Machines (IBM).

Antara yang menjadi perhatian Gates dalam lawatan keduanya selepas tiga tahun ialah kerajaan elektronik. Difahamkan ia akan menjadi agenda perbincangan ketika bertemu Dr Mahathir.

Apakah pakej khas yang ditawarkan Microsoft untuk menggerakkan secara berkesan fungsi kerajaan elektronik dan membantu negara membangunkan produk perisian bertaraf dunia.

Jika Gates dapat menawarkan pakej khas yang menarik dan dipersetujui

kerajaan, berapa banyak wang yang akan masuk ke poket jutawan ini.

Ini berdasarkan jumlah pengguna komputer di kalangan kakitangan di sektor kerajaan di negara ini yang sudah mencapai 850,000 dan peruntukan RM400 juta dalam Belanjawan 98 untuk agensi kerajaan mewujudkan kerajaan elektronik.

Gates sudah boleh mengira keuntungan jika produk Microsoft menjadi sistem operasi kerajaan elektronik Malaysia. Bukan setakat itu, pakej kerajaan elektronik itu akan menjadi pemangkin kepada Microsoft untuk melebarkan sayapnya ke segmen lain terutama projek Sekolah Bestari yang memerlukan ratusan ribu PC yang berfungsi dalam persekitaran Windows.

Justeru, peruntukan besar kerajaan untuk IT perlu dimanfaatkan secara maksimum oleh pemimpin dan rakyat. Bukan selamanya menjadi pengguna, tetapi kita perlu belajar membangunkan perisian buatan sendiri menggunakan model terkemuka sedia ada.

Kita tidak seharusnya ditunjuk ajar dan hanya menjadi pengguna produk keluaran syarikat gergasi seperti Microsoft yang mempunyai taktik perniagaan yang licik. Tentunya kita tidak mahu, pelaburan besar menjadi sia-sia, apabila kita hanya tahu guna, tapi tidak tahu membangunkan produk sendiri.

Belajar daripada kejayaan Microsoft, ia bermula pada 24 Ogos 1975 apabila Gates ketika itu berusia 19 tahun menubuhkan syarikat kerdil dengan rakannya, Paul Allen (kini tidak lagi bersama Microsoft, tetapi masih mempunyai kepentingan dalam syarikat itu).

Syarikat berkenaan dikenali sebagai Micro-Soft. Dalam tempoh 20 tahun, Microsoft berjaya meluaskan empayarnya sehingga pekerja mencapai 15,000 orang pada 1995. Syarikat itu turut mencatatkan jualan sebanyak 60 peratus di Amerika Syarikat, manakala 30 peratus di Eropah. Syarikat itu juga menguasai industri perisian di Asia. Produk terkemukanya MS-DOS, sistem operasi yang dilancarkan pada 1980 dan diguna oleh 100 juta komputer IBM.

Ia disusuli pelancaran Windows 10 tahun kemudian. Sistem operasi Microsoft diguna oleh kira-kira 85 peratus komputer di seluruh dunia. Pada 24 Ogos 1995, syarikat berkenaan mencatatkan satu lagi sejarah apabila PC menjadi produk pelbagai guna dengan pelancaran sistem operasi Windows95.

Eksekutif komputer menyamakan produk dengan coca-cola. Produk itu berjaya mewujudkan suasana capaian mudah ke persekitaran perkomputeran hingga membolehkan orang bukan teknikal mengoperasikannya sekali gus mewujudkan keadaan praktikal dalam setiap rumah di seluruh dunia.

Pendekatan mudah yang ditampilkan melalui Windows95 agak ketara. Apa yang membuatkan sistem operasi itu lebih berpotensi ialah penggunaannya dalam platform IBM dan beberapa jenama terkemuka lain yang menjadi pilihan dan terus melimpahi pasaran masa kini.

Bersandarkan kekuatan itu, Microsoft terus meletakkan dirinya pada kedudukan lebih mantap dan selesa dalam pasaran. Bagaimanapun, Microsoft di bawah teraju Gates tidak membiarkan kakitangan syarikat dibuai keselesaan.

Syarikat itu menerusi tenaga inteletiknya yang begitu ramai tidak membataskan sistem operasinya hanya untuk PC. Fungsi Windows95 diperluas dan menjadi teknologi asas bidang lain seperti perkhidmatan dalam talian dan televisyen antara aktif yang kini sudah terbukti.

Sistem operasi itu turut menggerakkan kemajuan cip komputer, iaitu litar nipis yang membentuk otak komputer. Cip yang ditawarkan mungkin menjadi lebih murah dan berkuasa serta dimanfaatkan dalam beberapa peralatan dan mesin di masa akan datang.

Tidak cukup setakat itu, Microsoft yang memperuntukkan beratus juta dolar untuk R&D bercadang menyediakan perisian untuk cip generasi terbaru yang direka bentuk khusus untuk mengendalikan lebih banyak data bagi

menghasilkan grafik dan bunyi.

Hasilnya Gates menerusi syarikatnya Microsoft bukan saja dapat mengumpul kekayaan, malah berupaya melahirkan banyak tenaga intelek, teknokrat dan pembangun perisian terkemuka, ahli perniagaan ternama yang menduduki takhta antara orang terkaya di dunia seperti Paul Allen dan Ballmer.

Pengalaman dan ilmu pengetahuan inilah yang amat penting dan perlu ditimba oleh rakyat negara ini. Oleh itu, jika Gates dapat memutuskan untuk membuat pelaburan dalam pembangunan perisian bagi membolehkan syarikat itu melatih anak tempatan membangun dan memasarkan perisian bertaraf dunia dari MSC itu sudah cukup baik.

Kekuatan intelektual Microsoft diperlukan oleh negara bagi memastikan kelangsungan dalam menguasai kepakaran IT. Ia bukan impian, tetapi cita-cita murni dan berani Dr Mahathir yang tentunya akan diteruskan oleh timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan generasi akan datang.

Sebenarnya bukan mudah untuk meyakinkan Gates. Selain Malaysia, Gates mempunyai rangka perancangan di beberapa negara Asia seperti India, Singapura dan China yang menyediakan tenaga intelek serta kemudahan prasarana yang baik.

Malaysia terpaksa bersaing dengan negara itu. Namun berdasarkan komitmen tinggi kerajaan menyediakan prasarana paling terbaik di MSC tidak mustahil negara mampu mencuri perhatian jutawan ini.

Jika sebelum ini, MSC berjaya menarik peneraju beberapa segmen dalam bidang elektronik dan telekomunikasi yang sudahpun memberi komitmen menyertai pembangunan MSC, ketika perjumpaan IAP di Cyberjaya, baru-baru ini, tidak hairan kita boleh mencuri perhatian Gates.

Gates perlu dibawa melihat kemajuan MSC dan keupayaan negara menyediakan tenaga intelek dan prasarananya yang tidak kurang canggih malah lebih hebat dari negara lain.

Bukan setakat kemudahan fizikal, Malaysia menjadi negara terkedepan mewujudkan sistem perundangan siber seperti Akta Penyatuan Multimedia yang akan dibentangkan di Parlimen Mac ini dan Akta Tandatangan Digital.

Kita juga mempunyai perundangan berkaitan hak harta intelek bagi mengelakkan cetak rompak yang begitu serius untuk dilaksanakan di negara ini. Tentunya, sebelum membuat apa-apa keputusan, aspek penting ini menjadi keutamaan dan dinilai terperinci oleh jutawan muda berusia 43 tahun yang begitu bijak membuat keputusan perniagaan syarikatnya.

Kemampuan sesebuah negara menyediakan pakej menarik tidak hanya berdasarkan aspek fizikalnya tetapi perlu menyeluruh. Tidak dicatatkan dengan kegiatan cetak rompak yang boleh menjahanamkan perniagaan Gates seperti yang berlaku di China.

Berdasarkan perancangan dan minat yang ditunjukkan di peringkat awal melalui penubuhan ibu pejabat serantau di sini, tidak mustahil MSC bakal menjadi pilihan bagi Microsoft memusatkan kegiatan dan mempertingkatkan pelaburan.

Ia memang menjadi harapan kita. Malaysia dapat bantuan bagaimana membangunkan perisian di samping mempelajari aspek pemasaran produk dan pengurusan syarikat, manakala Gates mendapat ganjaran apabila teknologinya terus mendominasi dan menguasai persada IT dunia, di samping keuntungan yang pastinya lumayan.

Keyakinan ini ditambah melalui kenyataannya dalam temubual di Singapura, baru-baru ini apabila Gates menyatakan MSC adalah satu pelaburan sihat bagi masa depan yang dibuat oleh Malaysia dan projek itu tidak akan menjadi ancaman kepada mana-mana pihak.

Sekarang cuma status MSC Microsoft saja yang masih di peringkat perbincangan akhir syarikat itu dengan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

(END)

